

KERJAYA WANITA ISLAM DALAM BIDANG PENYIARAN: CABARAN DAN PROSPEK

Oleh:

Zulkiple Abd. Ghani *

Abstract

Working women is a growing phenomenon due to the increase of educational and job opportunities. In broadcasting, women are involved as the main player such as producers and managers, and some of them play active role behind the scene. This article discusses the issues affecting Muslim women working in broadcasting field by looking at the challenges that they have to face and also at their prospect. The study in TV3 shows that women have to manage their working time and family wisely and are facing some difficulties in adhering to the teachings of Islam.

PENDAHULUAN

Seah Chiang Nee, kolumnis akhbar *The Star* yang menulis pada 13 Februari 2005 tentang wanita di Singapura dengan tajuk "S'pore girls - a challenge to love" membangkitkan isu tentang gaya hidup wanita 'moden' yang mula menempatkan diri untuk bersaing dengan kaum lelaki dalam pelbagai bidang pekerjaan.¹ Dengan berbekalkan peluang liberalisasi pendidikan, golongan wanita di Singapura mula mendominasi beberapa bidang yang dahulunya didominasi oleh lelaki seperti bidang pekerjaan berkaitan media, kejuruteraan, undang-undang, malah ada yang mula menempatkan diri menjadi juruterbang jet pejuang, komander unit artileri angkatan tentera serta polis dan sebagainya. Kemasukan wanita dalam

* Zulkiflie Abd. Ghani, PhD adalah Prof. Madya di Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, UKM. Makalah ini pernah dibentangkan di *International Seminar on Muslim Women: The Future and Challenges in Shaping the Ummah* anjuran Centre for Islamic Studies and Social Development, Universiti Teknologi Malaysia, Johor Baharu pada 2-3 April 2005.

¹ Lihat Seah Chiang Nee (13 Februari 2005), "Singapore Girls - a Challenge to Love". *The Star*.

bidang-bidang pekerjaan tertentu yang biasanya di dalam domain lelaki, yang memerlukan kombinasi intelektual dan fizikal, dikatakan telah mengubah persepsi lelaki terhadap soal feminin kewanitaan sehingga ada lelaki di Singapura yang makin berkecenderungan memilih pasangan dari negara yang dianggap lebih mengekalkan aspek tradisional kaum wanita seperti dari Vietnam. Kaum wanita di Singapura dianggap terlalu materialistik, bersifat sangat *'demanding'*, mengabaikan aspek kemahiran urusan rumah tangga seperti memasak dan mengasuh anak-anak, malah hasil satu kajian mendapati satu perlima dari isteri-isteri di Singapura menyembunyikan aset sebenar mereka dari pengetahuan suami kerana bimbang beberapa impak kemungkinan selepas berlakunya penceraian. Selain itu, dapatan kajian juga menunjukkan dua pertiga wanita yang dikaji berpendapat mereka boleh hidup tanpa lelaki, makin ramai graduan wanita yang hidup bersendirian dan terdapat juga trend di mana makin ramai isteri-isteri yang membayar kepada penyiasat persendirian untuk menjejaki aktiviti-aktiviti sulit suami mereka. Dalam kehidupan rumah tangga pula, aspek amanah atau *trust* antara pasangan suami isteri didapati makin berkurangan.

Dalam keghairahan bersaing dengan lelaki berdasarkan apa yang dinamakan perjuangan hak wanita atau dalam persidangan-persidangan wanita, selalunya digunakan istilah *'empowerment'* (memperkasa), wujud beberapa fenomena sampingan yang selalunya tidak mendapat perhatian penting iaitu apakah persepsi lelaki terhadap wanita khususnya wanita yang bekerja dalam bidang domain lelaki? Apakah dengan bertambahnya nisbah golongan wanita yang berjaya memasuki institusi pengajian tinggi berbanding lelaki, ini bermakna mereka akan memasuki pelbagai bidang pekerjaan dan menjadi *'breadwinner'* utama bagi sesebuah keluarga? Apakah ini akan menjadi trend bagi sebuah negara yang dikatakan *'moden'*? Apa yang sedang berlaku di Singapura seperti yang diketengahkan oleh Seah di atas memberi gambaran bahawa persoalan berkaitan persaingan gender dalam bidang pekerjaan dan sosial merupakan isu yang akan terus relevan dan wajar dilihat secara objektif berdasarkan gabungan ilmu wahyu dan pengalaman kehidupan.

WANITA DAN KERJAYA

"Wahai sekalian manusia! Bertakwalah kepada Tuhan kamu yang telah menjadikan kamu (bermula) dari diri yang satu (Adam), dan yang menjadikan daripada (Adam) itu pasangannya (isterinya-Hawa), dan juga yang membiakkan dari keduanya - zuriat

keturunan- lelaki dan perempuan yang ramai. Dan bertakwalah kepada Allah yang kamu selalu meminta dengan menyebut-nyebut nama Nya, serta peliharalah hubungan (silaturahim) kaum kerabat; kerana sesungguhnya Allah sentiasa memerhati (mengawas) kamu". (al-Nisa', 4: 1).

Wanita merupakan golongan yang istimewa dalam Islam sehingga Allah membicarakan secara khusus berkaitan mereka dalam surah al-Nisa'. Ayat pertama surah tersebut di atas memberikan konsep yang jelas berkaitan dengan fungsi lelaki dan wanita, aspek penciptaan berkaitan fitrah dan biologi seperti proses kelahiran zuriat, tanggungjawab memperkasa hubungan silaturahim dalam masyarakat serta kedudukan lelaki dan wanita di sisi Allah yang dinilai berdasarkan ketinggian sifat takwa individu, bukannya aspek gender. Penghormatan yang diberi oleh Allah kepada wanita menunjukkan mereka mempunyai kebebasan atau kemerdekaan bertindak yang sama seperti lelaki, namun dalam aspek tertentu ia tertakluk kepada fitrah penciptaan yang asal seperti fungsi mereka sebagai anak perempuan, isteri dan ibu. Sesuai dengan penghormatan tinggi tersebut, wanita juga berhak mendapat peluang sama rata bagi meningkatkan ilmu pengetahuan, memiliki harta dan menunaikan tanggungjawab kepimpinan yang diamanahkan.³

Kerangka berfikir yang dibina berasaskan ilmu wahyu tentang hakikat gender amat jelas untuk memastikan wujudnya kehidupan yang teratur di atas muka bumi. Kajian empirikal dan saintifik juga turut mengesahkan hakikat perbezaan yang wujud dalam aspek biologi, personaliti dan tingkah laku sosial antara lelaki dan wanita. Misalnya, disebabkan oleh wujudnya hormon yang berbeza dalam aspek penciptaan biologi bagi lelaki dan wanita, didapati wanita umumnya lebih mempunyai sifat lemah lembut berbanding lelaki yang lebih agresif. Selain itu, aspek nada suara lelaki dan wanita juga berbeza di samping beberapa tingkah laku seperti keintiman, kasih sayang dan kesetiaan. Untuk mengekalkan naluri kewanitaan, dalam kebanyakan budaya, anak-anak perempuan akan didedahkan dengan fungsi kewanitaan dan memang mereka menggemarinya termasuk beberapa permainan yang berkaitan langsung dengan naluri kewanitaan seperti anak

³ Lihat antaranya Andek Masnah Andek Kelewa (1999). *Kepimpinan Wanita dalam Islam: Kedudukannya dalam Syariah*. Bangi: Penerbit UKM; Faisal Haji Othman (1993). *Women, Islam and Nation Building*. Kuala Lumpur: Berita Publishing.

patung.⁴ Hakikat perbezaan dari segi fitrah antara lelaki dan wanita nampaknya berjaya dipertahankan sejak sekian lama oleh seluruh masyarakat manusia, namun dalam proses menuju kepada kehidupan yang dikatakan lebih 'moden', berlaku beberapa perubahan sosial dalam masyarakat terutama berkaitan dengan wanita dan kerjaya. Masyarakat Islam tidak terkecuali dari menghadapi fenomena global ini.

Di dalam ajaran Islam, wanita yang bekerja dan berkerjaya bukanlah sesuatu yang asing, atau dalam erti kata yang lain Islam tidak melarang wanita untuk bekerja dan berkerjaya. Zainab al-Ghazali⁵ yang menulis tentang wanita bekerja dan cabarannya membawa beberapa contoh tentang penglibatan wanita dalam pekerjaan seperti isteri Rasulullah SAW sendiri, Saidatina Khadijah yang terkenal sebagai seorang peniaga yang berjaya dan Saidatina 'A'ishah yang terkenal dalam bidang ilmu pengetahuan atau pendidikan. Begitu juga dengan Saidatina Fatimah, anak kepada Rasulullah SAW, yang terkenal dalam bidang pendidikan dan syair. Selain itu, Sayyidah Zubaidah, isteri kepada Khalifah Harun al-Rashid, terlibat dalam aspek pembinaan mata air yang terkenal dengan nama "Mata Air Zubaidah" yang membekalkan air bersih kepada penduduk Mekah dan pembinaan semula bandar Iskandariah yang dihancurkan oleh Byzantium. Pada prinsipnya dapat dikatakan bahawa Islam tidak melarang wanita untuk bekerja terutama dalam aspek membantu membina keluarga bahagia dan ini bertepatan dengan firman Allah yang bermaksud:

"Sesiapa yang beramal soleh, dari lelaki dan perempuan, sedang ia beriman, maka sesungguhnya kami akan menghidupkan dia dengan kehidupan yang baik; dan sesungguhnya Kami akan membalas mereka, dengan memberikan pahala yang lebih baik dari apa yang telah mereka kerjakan." (al-Nahl: 97)

Istilah 'wanita bekerja' atau 'berkerjaya' yang difahami dalam budaya kehidupan masyarakat dahulu dengan apa yang berlaku kini tentulah tidak sama. Dalam masyarakat pertanian, lelaki dan wanita yang bekerja bersama-sama di sawah atau ladang umpamanya tidak banyak menimbulkan masalah kerana mereka bebas mengatur sendiri masa iaitu

⁴ Asmah Bee Mohd. Noor (2000). "Perbezaan Personaliti Lelaki dan Wanita", dalam Jawiah Dakir *et. al.* (ed.), *Sumbangsih Wanita*. Bangi: Penerbit UKM, hal. 124-133.

⁵ Zainab al-Ghazali (2004). *Nasihat Untuk Wanita*, Sohair Abdel Moneim Serry *et. al.* (terj.), Kuala Lumpur: Matang Cipta.

untuk pekerjaan dan urusan rumah tangga. Mereka menikmati hasil keuntungan dari usaha yang dilakukan secara bersama. Bagaimanapun, dalam masyarakat perindustrian yang menumpukan kepada falsafah materialisme, ruang penyesuaian masa bekerja atas keselesaan sendiri menjadi terhad dan sistem upah bekerja menjadi lebih spesifik. Misalnya, dalam sektor perkilangan tertentu, tenaga wanita dipergunakan dalam jumlah yang besar disebabkan fitrah karakter mereka seperti sifat ketekunan dan ketaatan yang lebih mudah dikawal dan terbukti sangat produktif berbanding lelaki. Apa yang menimbulkan masalah ialah bagi mereka yang mempunyai suami dan anak-anak, bekerja dalam waktu tertentu seperti dari awal malam hingga awal pagi, sering kali menimbulkan masalah sampingan yang lain khususnya yang berkaitan keselamatan dan kebahagiaan rumah tangga.

Di samping itu, oleh kerana sistem hidup kini begitu mementingkan ilmu pengetahuan dan kemahiran, semakin banyak peluang pekerjaan dimonopoli oleh kaum wanita memandangkan mereka berjaya memperoleh keputusan peperiksaan yang lebih baik disebabkan ketekunan dan keprihatinan mereka. Nisbah graduan wanita semakin melebar berbanding lelaki sehingga ada universiti tertentu yang mempunyai nisbah sehingga 70:30.⁶ Melalui ijazah yang diperoleh, terdapat wanita yang menceburi bidang-bidang pekerjaan yang ada antaranya menyebabkan sifat-sifat kewanitaan mereka terungkuai dan dipengaruhi oleh persekitaran ruang pekerjaan. Justeru itu, timbul persoalan apakah masyarakat Islam khususnya seperti di Malaysia dapat menerima bahawa pada suatu masa akan datang, kebanyakan 'breadwinner' bagi kebanyakan keluarga adalah dari wanita. Jika diterbalikkan faktanya, ia akan berbunyi bahawa wanita akan menjadi pemberi 'nafkah' utama bagi keluarga dan lelaki akan menjadi 'suri rumah' yang bertanggungjawab membesarkan anak-anak dan melakukan pelbagai pekerjaan berkaitan rumah tangga. Apakah dalam fenomena seperti itu perjalanan kehidupan masyarakat akan menjadi lebih baik daripada apa yang sedang berjalan kini? Dari segi kerangka teori, barangkali tidak salah untuk disimpulkan bahawa bukan semua bidang pekerjaan sesuai dengan naluri dan fitrah kewanitaan termasuk profesion tertentu seperti dalam bidang penyiaran seperti yang dibincangkan di bawah.

⁶ Lihat Zulkiple Abd. Ghani (Oktober 2003). "Bapa Sebagai Ketua Keluarga: Hubungan Realiti Pekerjaan Masakini", *Sinar Islam*, hal. 14-17.

PENGALAMAN WANITA DALAM KERJAYA PENYIARAN

Bidang penyiaran yang berkaitan dengan radio dan televisyen merupakan antara bidang yang mengalami pelbagai revolusi akibat dari kemajuan pesat teknologi audio visual dan teknologi komunikasi dan maklumat (ICT). Secara tradisinya, bidang pekerjaan dalam penyiaran meliputi beberapa sudut seperti kumpulan berkaitan produksi, pereka dan artis lapangan, juru solek, juru kamera dan artis, penulis skrip, wartawan, bidang perfileman, bahagian kejuruteraan, perkeranian, pengiklanan, pemberita dan sebagainya.⁷ Terdapat beberapa bidang pekerjaan yang berkait rapat dengan naluri kewanitaan seperti bahagian juru solek dan berkaitan perekaan seperti perekaan pentas. Manakala di bahagian kejuruteraan, ia lebih bersesuaian dengan karakter kaum lelaki. Bidang-bidang pekerjaan yang lain boleh dikatakan tidak memerlukan garis pemisah gender yang jelas atau dengan erti kata lain boleh diceburi sama ada oleh lelaki atau wanita berdasarkan kepakaran. Walaupun begitu, dari segi tabii kerja, terutama bagi jenis-jenis pekerjaan yang tidak mempunyai jadual kerja tertentu atau bersifat lasak dan memerlukan kekuatan fizikal, secara umumnya ia boleh dikatakan bersesuaian dengan kaum lelaki.

Berdasarkan pengalaman dari sejarah perkembangan media penyiaran, terdapat persepsi yang agak negatif tentang wanita dan penyiaran. Umumnya terdapat pihak yang menganggap kaum wanita adalah golongan yang paling banyak dieksploitasi dalam bidang penyiaran kerana tabii kewanitaan mereka khususnya dalam bidang pengiklanan. Sejak dari awal pengenalan stesen penyiaran di negara-negara Islam, isu tentang keharusan penglibatan wanita sering kali timbul. Ia berkait rapat dengan penggunaan 'suara' wanita di radio dan lebih mencabar lagi apabila teknologi televisyen membolehkan bukan saja suara tetapi sekali dengan paparan gambar. Kebanyakan fahaman berpunca dari cara mentafsir dan memahami firman Allah seperti dalam surah Ali Imran ayat 14 yang bermaksud:

“Dihiasi bagi manusia gembira bagi perkara yang memuakkan syahwat iaitu wanita dan anak-anak”. Begitu juga dengan ayat 33 surah al-Ahzab yang bermaksud: *“Dan hendaklah kamu tetap berada dalam rumah mu, dan janganlah kamu berhias dan berkelakuan seperti orang jahiliah yang dahulu.”*

⁷ Lihat umpamanya Barbara Brandenburger (1965). *Working in Television*, London: The Bodley Head.

Satu contoh yang menarik ialah apa yang berlaku di Arab Saudi yang mula memperkenalkan transmisi televisyen pada tahun 1965. Faktor utama yang dikatakan menjadi sebab kepada kelewatan pengenalan televisyen ialah tentangan kuat yang ditunjukkan oleh para ulama terhadapnya. Ia berkait rapat dengan persoalan '*taswir*', iaitu penggunaan gambar. Ulama di Arab Saudi dikatakan begitu berhati-hati dalam mentafsirkan persoalan hukum berkaitan gambar dengan tujuan untuk menjaga kesucian Islam sesuai dengan peranannya sebagai pelindung kepada dua tanah suci Islam. Terdapat pelbagai hadis sahih yang secara literalnya difahami bahawa gambar yang berkaitan dengan makhluk yang mempunyai roh (manusia dan binatang) adalah diharamkan membuat, menyimpan atau berjual beli dengannya.⁸ Selain itu, suara juruhebah wanita di dalam radio yang telah berkumandang lebih awal turut menjadi objek penentangan para ulama sehingga Raja Arab Saudi ketika itu, Raja Faisal dikatakan mengingatkan mereka bahawa: "Kamu patut biasakan diri dengan suara wanita di radio kerana kamu akan dapat melihat wajah mereka di televisyen dalam masa terdekat."⁹

Berbeza dengan apa yang berlaku di Arab Saudi dan di beberapa negara Islam yang lain pula, persepsi terhadap penglibatan wanita dalam media terutama di kalangan pemerintah adalah lebih atau sangat 'terbuka'. Negara Mesir misalnya, di samping memiliki institusi pengajian tinggi Islam yang termasyhur iaitu Universiti al-Azhar, turut memiliki industri filem dan teater yang agak kukuh, yang bermula sejak tahun 1927. Di bawah pengaruh British yang menjajah Mesir, tarian gelek separuh bogel oleh wanita-wanita Mesir terutama di atas kapal yang menyusuri Sungai Nil telah menjadi sebutan ramai termasuk di kalangan pelajar-pelajar dari Malaysia yang melanjutkan pengajian tinggi agama di sana. Filem pertama yang dikeluarkan oleh penerbit filem Mesir bertajuk "Laila" mula ditayangkan di panggung wayang pada 16 November 1927 diikuti dengan filem "Zainab" setahun kemudian. Menjelang akhir perang dunia kedua, dikatakan terdapat lebih seratus syarikat pengeluar filem di Mesir dan ia menjadi pengeksport utama filem khususnya untuk negara-negara Arab

⁸ Contohnya al-Bukhari, Hadis no. 5605; Muslim Hadis no. 2106, 2107; Sunan Tirmidhi, Hadis no. 2807.

⁹ Douglas A. Boyd (1980). "Saudi Arabian Broadcasting: Radio and Television in a Wealthy Islamic State". *Middle East Review*, Vol. X11, hal. 22.

yang turut mendapat tempat di kaca-kaca televisyen selain dari rancangan-rancangan yang diimport.¹⁰

Berdasarkan dua gambaran fenomena di atas yang satunya boleh dikatakan terlalu 'ketat' dan keduanya terlalu 'liberal', ada di antara persepsi yang berkaitan dengan wanita tersebut boleh dikatakan berdasarkan amalan adat dalam budaya sesuatu masyarakat, bukannya terbit dari kefahaman terhadap mengikuti nas-nas agama yang sahih. Justeru, jika di perhati dalam amalan masyarakat Melayu Islam di Kelantan umpamanya, terdapat wanita yang berniaga secara terbuka di tengah bandar, yang bermuamalah bukan sahaja dengan sesama wanita tetapi juga dengan kaum lelaki yang melibatkan penggunaan suara. Amalan berkenaan boleh dikatakan mendapat perkenan dari para ulama yang ramai di sekitar bandar Kota Bahru sejak awal abad ke 20 lagi dan berterusan hingga kini. Dengan erti kata lain, selagi mana wanita yang keluar bekerja dan menjaga akhlak serta dalam persekitaran yang terkawal, ulama di negara kita mempunyai persepsi yang lebih 'lembut' serta meraikan penglibatan wanita dalam membantu membina keluarga bahagia.

Melalui pelbagai teknologi terkini terutama penggunaan televisyen satelit, budaya global berkaitan wanita yang dahulu dianggap 'taboo' oleh majoriti masyarakat Islam kini boleh dikatakan mulai diterima secara senyap oleh khalayak. Jika ada penentangan pun, ia hanya berlaku dalam bentuk skala kecil. Wanita Islam bukan lagi hanya sekadar mengambil bahagian di 'layar', tetapi turut juga terlibat bekerja di hadapan dan belakang tabir dalam dunia penyiaran. Fenomena ini ditegaskan oleh Fatema Mermissi, seorang profesor di Universiti Mohamed V di Rabat, Moroko dan dikenali kerana perjuangan hak-hak kewanitaannya, di mana tegas beliau:

“During Ramadan 2002, I realized that I was becoming a stranger in my own land and that the old Arab world I was born in and could decode and understand has vanished forever. Women managed to shock the digital umma (the new satellite-connected Muslim community) not only by belly-dancing in the most popular television series, but also as producers of films and as talk show anchors. In spite of the great variety of their topics, the Ramadan television series have one thing in common, regardless of whether

¹⁰ Dajani, Karen Finlon (1980). “Egypt: Film Center of the Arab World. *Middle East Review*, vol. X11, hal. 28-32.

*their subject is social, historical or religious: the unavoidable belly-dancer who has become a pivotal creature in the events unfolding in these shows... Arab satellite-television somehow seems to capture the intoxicating pre-Islamic spell of women and fuels it with an alarming glow”.*¹¹

Fatema turut menyebut tentang persaingan yang berlaku dalam menguasai televisyen satelit terutama di kalangan pemerintah-pemerintah Arab yang turut memberi peluang besar kepada wanita untuk terlibat sama ada sebagai penonton atau membina kerjaya dalam bidang penyiaran. Berbeza dengan apa yang berlaku kira-kira lima dekad yang lalu, rangkaian satelit pertama di negara-negara Arab iaitu Middle East Broadcasting Centre (MBC) dimiliki oleh kaum kerabat Raja Fahd di Arab Saudi iaitu Walid al-Ibrahim, manakala stesen Arab Radio and Television (ART) dimiliki oleh usahawan Arab Saudi Sheikh Saleh Kamel dan Putra al-Walid Talal Ibn Abd al-Aziz, sepupu kepada Raja Fahd. MBC dikatakan memperuntukkan 12.5% untuk rancangan agama, 75.5% untuk rancangan hiburan dan 9.5% untuk informasi. Selain itu, di Mesir cucu kepada Gamal Abdul Nasir memiliki rangkaian ‘Melody’ yang menyiarkan video klip sepanjang hari termasuk pelbagai lagu dari penyanyi wanita. Perkembangan dunia penyiaran yang baru di negara-negara Arab dianggap oleh sebahagian pengkaji seperti Fatema Mermissi dan Shereen Abou El Naga memberi kemenangan kepada wanita kerana di samping peranan tradisi mereka yang banyak tinggal di rumah, ramai wanita yang buta huruf turut berpeluang mendapat pendedahan maklumat hasil rancangan-rancangan khusus untuk wanita seperti yang dihoskan oleh moderator terkenal Muntaha al-Rimhy dari stesen al-Jazeera.¹²

KERJAYA DAN CABARAN PENGHAYATAN ISLAM WANITA DI TV3

TV3 yang memulakan penyiaran sejak 1 Jun 1984 telah merubah corak penyiaran di dalam negara melalui persaingan dengan stesen milik kerajaan bagi merebut penonton dan menarik pengiklan. Dalam persaingan tersebut,

¹¹ Fatema Mermissi (2004). “The Satellite, the Prince, and Scheherazade: The Rise of Women as Communicators in Digital Islam”, *TBS*, spring-summer (<http://www.tbsjournal.com> 26/1/05).

¹² Lihat umpamanya Shereen Abou El Naga (2004), “Arab Women and The New Media: Empowerment or Disempowerment”, *TBS* (<http://www.tbsjournal.com> 26/1/05), dan Fatema Mernissi (2004), *op. cit.*

usaha berterusan dilakukan oleh pihak pengurusan untuk meningkatkan mutu penyiaran dan persembahan program termasuk memperkenalkan beberapa program berkaitan secara langsung dengan wanita. Terdapat sejumlah tertentu kaum wanita yang terlibat dalam kerjaya di bidang pengurusan, eksekutif, pengeluaran, perkeranian dan am. Sebahagian data-data berkaitan TV3 yang dibincangkan dalam subtajuk ini adalah diperoleh dari Latihan Ilmiah yang diselia oleh penulis iaitu yang disediakan oleh Putri Irhanan Sapeli pada tahun 1999.

Berdasarkan maklumat dari Bahagian Pembangunan Sumber Manusia, Sistem Televisyen Malaysia Berhad, pada Jun 1998, keseluruhan pekerja TV3 dan anak-anak syarikatnya berjumlah seramai 2537 orang pekerja iaitu dengan pecahan 1730 (67.82%) lelaki dan 807 (32.18%) adalah wanita. Selepas skim persaraan sukarela dijalankan ketika kegawatan ekonomi pada tahun 1998, terdapat seramai 692 orang pekerja bagi TV3 sahaja di mana 610 orang darinya adalah bumiputera. Dari jumlah tersebut, 441 orang (63.73%) adalah lelaki dan bakinya 169 orang (24.42%) adalah wanita. Pecahan kedudukan jenis pekerjaan mereka boleh dilihat dalam Jadual 1 di bawah.

Jadual 1: Statistik Jenis Pekerjaan Pekerja Bumiputra TV3

Kategori Kerja	Lelaki	%	Wanita	%
Pengurusan	33	86.8	5	13.2
Eksekutif	158	59.8	106	40.2
Pengeluaran	106	92.4	9	7.9
Perkeranian	44	48.9	46	51.1
Am	100	97.1	3	2.9
Jumlah	441	63.73	169	24.42

Berdasarkan data di atas, didapati bilangan pekerja wanita bagi kategori pengurusan, pengeluaran dan am adalah kecil berbanding lelaki, manakala bagi kategori eksekutif dan perkeranian kedudukannya hampir seimbang. Pemilihan bidang kerjaya oleh wanita di TV3 memang bersesuaian dengan fitrah mereka. Bagi kategori kerja yang boleh dianggap lasak dan tidak

menentu masa bekerja, jumlah wanita adalah kecil. Antara bidang kerjaya yang dianggap mencabar ialah berkaitan dengan penerbitan yang memerlukan seorang penerbit bertindak sebagai koordinator bagi keseluruhan perjalanan siaran sesuatu rancangan. Bagi sebuah rancangan, penerbit bertanggungjawab mengemukakan idea, format, anggaran perbelanjaan, persediaan pentas, tetamu, peralatan, krew bertugas, penyediaan video klip jika berkaitan, proses pasca produksi seperti suntingan *off-line* dan *on-line*, *dubbing*, proses ulang tayang (*preview*) dan promo. Penerbit terlibat dalam keseluruhan tiga proses besar iaitu pra produksi, produksi dan pasca produksi. Bagi program yang memerlukan tugas luar seperti di hutan, di tempat atau lorong-lorong berbahaya, tempat yang terlalu sesak atau daif, bertugas di luar kawasan atau negara dalam waktu yang lama, tabii kerja berkenaan memerlukan komitmen penerbit yang tinggi dan ada kalanya bagi penerbit wanita yang berkeluarga, ia akan menimbulkan pelbagai masalah sampingan.

CABARAN

Cabaran utama yang perlu ditangani oleh wanita berkerjaya ialah dari segi pengurusan masa yang seimbang antara kerjaya dan keluarga, tabii kerja yang mencabar aspek feminin dan penghayatan ajaran agama khususnya berkaitan perkara fardu 'ain seperti dibincangkan di bawah:

a) *Pengurusan masa yang seimbang*. Berdasarkan 18 set soal selidik yang diterima kembali dari 70 soal selidik yang diedarkan oleh Putri Irhanan,¹³ didapati purata masa bekerja responden ialah 44 jam seminggu, melebihi waktu bekerja kakitangan kerajaan iaitu 41 jam 15 minit. Dua daripada mereka bekerja 60 jam seminggu dan seorang 70 jam seminggu. Oleh kerana terdapat waktu bekerja yang tidak menentu seperti dalam kategori penerbit dan wartawan, semua responden menyatakan kerjaya penyiaran lebih sesuai untuk wanita yang tidak berkahwin. Walaupun begitu, mereka masih berkeyakinan bahawa wanita juga diperlukan dalam bidang penyiaran kerana wanita mempunyai daya imaginasi yang tinggi, lebih kreatif, dapat membina keyakinan diri dan intelek, mempunyai daya memujuk (*persuasive*) yang tinggi serta bersifat sabar. Apa yang penting ialah mereka perlu mendapat keredaan suami dan keluarga yang memahami

¹³ Putri Irhanan Binti Sapeli (1999). "Wanita Islam dalam Kerjaya Penyiaran: Analisis Terhadap TV3", Latihan Ilmiah Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, UKM.

kerjaya mereka, bijak membahagikan waktu antara kerjaya dan keluarga, banyak berkorban dan tidak mudah lupa diri dalam dunia yang penuh glamor. 7 daripada responden bagaimanapun mengaku mereka tidak mempunyai masa yang cukup untuk keluarga iaitu mereka yang terdiri dari bidang wartawan, penerbit, pembantu penerbit, pembaca berita dan krew sedangkan bagi bidang pengarah, pengurus, koordinator, setiausaha dan kerani, mereka tidak menghadapi masalah pembahagian masa dengan keluarga. Bagi Azura Abd Karim yang mempunyai pengalaman bekerja dengan Majalah 3, beliau berpendapat kerja tidak pernah habis, tidak pernah *break*, kadang-kadang terpaksa keluar negara berminggu-minggu, tidak tidur semalaman adalah perkara biasa dan hanya 4 dari 12 pekerja yang sama *batch* dengannya masih kekal, yang lain telah 'cabut'.¹⁴

Bagi wanita yang berkeluarga dan mempunyai anak kecil, cabaran pembahagian masa menjadi bertambah berat. Responden yang berjawatan penolong penerbit, wartawan penyiaran dan pembaca berita mempunyai masa kira-kira 4-5 jam sehari bersama keluarga dan mereka memang beranggapan tidak memberi masa secukupnya kepada keluarga. Memang terdapat pengakuan responden bahawa mereka mengetahui bahawa ada pekerja rakan mereka yang terlibat dengan penceraian.

b) *Cabaran tabii kerja*. Kerjaya penyiaran terutama bagi yang terlibat dalam bidang penerbitan memerlukan komitmen berterusan dan bagi sebahagian menganggap hanya wanita yang 'tough' sahaja yang sanggup menghadapinya. *Assingment* kadangkala perlu dibuat di tempat-tempat terpencil seperti di hutan dan di lorong-lorong sunyi, ada ketikanya di waktu dinihari. Pernah dalam satu penggambaran, hanya seorang krew wanita terlibat dalam sekumpulan krew lelaki yang terpaksa bermalam di dalam hutan sehingga timbul masalah kerana tiada 'tandas'.

Bagi kumpulan wartawan, mereka perlu berhubung dengan pelbagai jenis manusia, dari orang kenamaan hinggalah ke penagih dadah di lorong-lorong sunyi. Ada kalanya terdapat gosip-gosip liar yang menyebabkan berlakunya perpecahan dalam rumah tangga. Kefahaman suami tentang tabii kerja para isteri yang terlibat dalam penyiaran juga dianggap perkara penting dalam menjaga keharmonian rumahtangga. Ada juga responden membangkitkan tentang penggunaan bahasa yang kasar dan 'lepas cakap' adalah perkara biasa terutama ketika penggambaran berlangsung. Dari aspek kepuasan bekerja, 11 orang dari responden mengatakan mereka akan

¹⁴ Putri Irhanan Binti Sapeli (1999), *op. cit.*, hal. 64.

mengucapkan 'selamat tinggal' kepada TV3 jika mendapat tawaran gaji yang lebih lumayan dari yang sedang diperoleh sekarang.¹⁵

c) *Cabaran dari aspek penghayatan ajaran agama.* Penghayatan agama banyak bergantung kepada komitmen individu. Walaupun waktu bekerja tidak menentu atau tabii kerja memerlukan individu bergerak di pelbagai tempat, mereka masih mempunyai waktu untuk menunaikan ibadat khusus seperti sembahyang. Hal ini diakui oleh para responden di mana sebahagian besar bersetuju mereka tidak menghadapi masalah untuk mengamalkan perkara-perkara ibadat. Malahan TV3 turut menyediakan Unit Kaunseling Agama bagi memberi khidmat kepada para pekerja TV3 selain beberapa tenaga kerja yang mempunyai ijazah dalam bidang Pengajian Islam. Malah TV3 dikatakan antara stesen awal yang membenarkan pekerja wanitanya memakai tudung untuk muncul dalam beberapa program tertentu seperti dalam membaca berita atau pengacara. Beberapa program yang berkaitan dengan agama Islam secara langsung seperti al-Kuliyah turut memberi sedikit sebanyak kesan kepada para pekerja yang terlibat.

Perlu diakui bahawa bertugas di dalam media merupakan satu profesion yang mencabar terutama berkaitan pengurusan masa. Kerjaya dalam media memang terkenal dengan 'dateline'. Sebagai perbandingan dengan kajian yang lain, cabaran dan halangannya didapati hampir sama. Kajian oleh Rahmah dan Fuziah¹⁶ terhadap penglibatan wanita dalam media cetak turut mendapati kebanyakan wartawan wanita adalah terdiri dari golongan muda yang berusia antara 20-39 tahun, majoriti dari mereka belum/tidak berkahwin dan bagi yang berkeluarga, saiz keluarga mereka adalah kecil dengan seorang atau dua anak sahaja. Mereka menyimpulkan bahawa "antara telahan yang boleh dibuat di sini ialah tidak ramai wanita yang bertahan dalam kerjaya kewartawanan. Kajian ini mendapati hampir 65% responden baru sahaja menceburi kerjaya ini. Bilangan responden yang telah lama menceburi bidang kewartawanan boleh di bilang'.

KESIMPULAN

Bidang media adalah antara kerjaya penting kerana ia banyak membantu mencorakkan kehidupan masyarakat. Islam menggalakkan umatnya baik lelaki atau wanita untuk melakukan kebaikan termasuk bekerja yang

¹⁵ Putri Irhanan Binti Sapeli (1999), *op. cit.*, hal. 65-66.

¹⁶ Lihat Rahmah Hashim dan Fuziah Kartini Hasan Basri (1996). *Wanita dalam Organisasi Media*, Bangi: Jabatan Komunikasi UKM.

dianggap sebagai ibadat. Kerjaya wanita dalam bidang media, khususnya penyiaran adalah penting untuk meningkatkan imej wanita Islam dan menonjolkan fungsi sebenar mereka yang bersama-sama terlibat membangunkan kecemerlangan masyarakat. Walaupun begitu, cabaran utama bagi mereka yang terlibat dalam beberapa bidang tertentu seperti bidang penerbitan ialah untuk membahagikan masa secara bijak antara kerjaya dan keluarga. Bagi pihak pengurusan media, kebijaksanaan menyusun kesesuaian tugas perlu menjadi keutamaan kerana kejayaan bukanlah terletak semata-mata kepada penghasilan produk yang menarik tetapi juga menghasilkan manusia yang berkualiti dan gembira dengan kehidupannya.